



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 14

4hb Julai 2019

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen ini yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 15 April 2019 diisyiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactment passed in the Kedah Darul Aman State Legislative Assembly, on the 15 April 2019 is published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 30	Enakmen Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman 2019
	Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman Enactment 2019



UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 30

**ENAKMEN PERBADANAN STADIUM
NEGERI KEDAH DARUL AMAN 2019**

Tarikh Persetujuan DiRaja 2 Jun 2019

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 4 Julai 2019

UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 30

ENAKMEN PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN 2019

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERBADANAN

3. Penubuhan Perbadanan
4. Meterai Perbadanan
5. Keahlian Perbadanan
6. Tempoh jawatan
7. Anggota silih ganti
8. Perjalanan sementara fungsi Pengerusi
9. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Elaun
12. Penzahiran kepentingan
13. Pemakaian Jadual

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

Seksyen

14. Fungsi Perbadanan
15. Kuasa Perbadanan
16. Kuasa Pengerusi untuk memberikan arahan
17. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
18. Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan
19. Perbadanan boleh menukuasakan jawatankuasa

BAHAGIAN IV

PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PERBADANAN

20. Pengarah
21. Pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat lain Perbadanan
22. Bantuan kewangan kepada pegawai, pekhidmat dan orang lain
23. Pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Kedah) 2003

BAHAGIAN V

KEWANGAN

24. Kumpulan Wang Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman
25. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang
26. Pemeliharaan Kumpulan Wang
27. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
28. Akaun dan laporan
29. Akaun bank
30. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN VI

KUASA LAIN PERBADANAN

Seksyen

31. Kuasa untuk meminjam
32. Pelaburan
33. Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.
34. Pengkomersialan dapatan penyelidikan
35. Kuasa untuk menubuhkan syarikat

BAHAGIAN VII

AM

36. Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan
37. Permulaan pendakwaan
38. Pekhidmat awam
39. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
40. Obligasi kerahsiaan
41. Perwakilan dalam prosiding sivil
42. Kuasa untuk mengambil khidmat
43. Perlindungan terhadap tindakan, guaman dan prosiding undang-undang
44. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
45. Pemakaian pekeliling, dsb.

BAHAGIAN VIII

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

46. Kecualian dan peralihan
47. Pemansuhan

JADUAL

UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 30

ENAKMEN PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN 2019

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

AL AMINUL KARIM
SULTAN SALLEHUDDIN IBNI
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

28 Ramadan 1440
2 Jun 2019

Suatu Enakmen untuk memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks sukan dan kemudahan sukan, dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Kedah seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman 2019.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya ahli yang dilantik di bawah seksyen 5;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“Enakmen” ertinya Enakmen Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman 2019;

“Enakmen terdahulu” ertinya Enakmen Perbadanan Stadium-Stadium Negeri 1971;

“jawatankuasa” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 19;

“Pengarah” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 20(1) dan termasuklah mana-mana pegawai yang diarahkan di bawah subseksyen 20(5) untuk melaksanakan kewajipan Pengarah;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman yang ditubuhkan di bawah seksyen 24;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a);

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Perbadanan terdahulu” ertinya Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu; dan

“stadium” ertinya mana-mana stadium, kompleks sukan, bangunan, kawasan dan kemudahan sukan yang diwujudkan atau ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan Perbadanan

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai “Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman” ditubuhkan.

(2) Perbadanan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai Perbadanan.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Perbadanan boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memajak, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Perbadanan; dan

(c) memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janjikan, mendemiskan, memajakkan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Perbadanan.

(5) Perbadanan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa selanjutnya dan menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini atau mana-mana Enakmen lain.

(6) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, Perbadanan terdahulu hendaklah disifatkan sebagai Perbadanan yang disebut dalam subseksyen (1).

(7) Segala hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum berkuatkuasanya Enakmen ini, terletak hak atau dipertanggungkan kepada Perbadanan terdahulu hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, terletak hak dan dipertanggungkan kepada Perbadanan, selagi ia selaras dengan peruntukan Enakmen ini.

(8) Segala jenis harta alih atau tak alih, yang sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa, terletak hak pada Perbadanan terdahulu hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, terletak hak pada Perbadanan tanpa dipindahkan, diserahkan atau dipindahmilikkan.

Meterai Perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh, dari masa ke masa, dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan “Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai Perbadanan.

(3) Meterai Perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Perbadanan dan hendaklah ditentusahkan sama ada oleh Pengerusi atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai Perbadanan itu dan ditentusahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, disifatkan telah disempurnakan dengan sah, sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Walau apapun subseksyen (4), apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara yang lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeterai boleh disempurnakan oleh Perbadanan mengikut cara serupa, dan apa-apa dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana anggota, pekhidmatan atau ejen Perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(6) Meterai Perbadanan itu hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keahlian Perbadanan

5. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Pengerusi dan ianya hendaklah orang yang pada masa itu memegang jawatan Menteri Besar Negeri Kedah atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (c) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (d) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (e) Pegawai Kewangan Negeri;
- (f) Timbalan Setiausaha Kerajaan yang bertanggungjawab bagi aspek pembangunan;
- (g) lima orang untuk mewakili organisasi sukan yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi atas kelulusan Pihak Berkuasa Negeri;
- (h) dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi atas kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang pada pendapat Pengerusi, mempunyai pengalaman, menunjukkan keupayaan

dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium; dan

- (i) Pengarah yang bertindak sebagai Setiausaha.

Tempoh jawatan

6. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seorang ahli Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(g) dan (h) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan bagi satu penggal yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Seseorang ahli Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(g) dan (h) adalah layak untuk dilantik semula tetapi tiada ahli boleh memegang jawatan itu bagi tempoh lebih daripada dua penggal yang tidak melebihi enam tahun sama ada secara berterusan atau selainnya.

Anggota silih ganti

7. (1) Pengerusi boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, berhubung dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(c) hingga (g) melantik seseorang menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Perbadanan sebagai ganti anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Seorang anggota silih ganti yang menghadiri mesyuarat Perbadanan hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Perbadanan.

(3) Seorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia menjadi anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Perbadanan.

(4) Mana-mana orang yang, sebaik sebelum berkuatkuasanya Enakmen ini merupakan Pengurus dan ahli Perbadanan berdasarkan Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai Pengurus dan ahli Perbadanan sehingga tamatnya tempoh pelantikannya.

Perjalanan sementara fungsi Pengurus

8. (1) Apabila jawatan Pengurus kosong atau Pengurus tidak hadir bertugas di Negeri Kedah Darul Aman atau Pengurus, atas apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan kewajipan jawatannya, ahli yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(b) hendaklah secara sementara bertindak sebagai Pengurus, dan jika ahli itu atas apa-apa sebab tidak dapat bertindak di bawah perenggan ini, ahli di bawah perenggan 5(1)(c) hendaklah bertindak sebagai Pengurus.

(2) Seseorang ahli yang bertindak sebagai Pengurus di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai Pengurus.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

9. (1) Pelantikan mana-mana ahli di bawah perenggan 5(1)(g) dan (h), boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pengurus atas kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Seseorang ahli boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengurus.

Pengosongan jawatan

10. (1) Jawatan seseorang ahli Perbadanan hendaklah menjadi kosong—

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan:

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 12; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan;
- (f) dalam hal seorang anggota Perbadanan, selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (g) jika peletakan jawatannya diterima oleh Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut seksyen 9;
- (i) jika dia tiada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi, selama tempoh melebihi enam bulan; atau
- (j) jika dia bertindak bertentangan dengan kepentingan Perbadanan.
- (2) Pengerusi boleh melantik ahli baru untuk mengisi kekosongan mana-mana ahli yang terhenti pelantikannya dalam perenggan 5(1)(g) dan (h).
- (3) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen 10(2) hendaklah memegang jawatannya hanya selama baki tempoh jawatan ahli yang pelantikannya terhenti itu.

Elaun

11. Ahli Perbadanan hendaklah dibayar elauan pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Penzahiran kepentingan

12. (1) Mana-mana ahli Perbadanan atau ahli jawatankuasanya yang ditubuhkan di bawah seksyen 19 yang mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menerusi ahli keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Perbadanan atau jawatankuasanya hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan atau jawatankuasa itu akan kewujudan dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan selepas penzahiran itu, ahli Perbadanan atau jawatankuasa itu:

(a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana pertimbang telitian atau keputusan Perbadanan atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) tidak diambil kira bagi maksud membentuk kuorum Perbadanan atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berhubungan dengan perkara itu, apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Ketidakpatuhan peruntukan ini oleh mana-mana ahli Perbadanan atau ahli jawatankuasanya tidak akan menjelaskan tindakan atau prosiding Perbadanan atau jawatankuasanya itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini:

“ahli keluarga”, berhubung dengan seseorang ahli Perbadanan atau jawatankuasa, termasuklah:

(a) suami atau isterinya;

(b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);

- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
 - (d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan
 - (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan
- “ahli sekutu”, berhubung dengan seseorang ahli Perbadanan atau jawatankuasa, ertiaya:
- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja ahli itu;
 - (b) firma yang ahli itu mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
 - (c) pekongsi anggota itu;
 - (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya ahli itu atau seorang ahli keluarganya adalah seorang benifisiari; atau
 - (e) mana-mana perbadanan mengikut Akta Syarikat 2016 [Akta 777], yang ahli itu atau mana-mana penamanya atau seseorang ahli keluarganya adalah Pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial.

Pemakaian Jadual

13. Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Perbadanan dan anggota jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

Fungsi Perbadanan

14. (1) Fungsi Perbadanan adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menubuhkan, menguruskan, mengendalikan dan menyelenggarakan stadium;

- (b) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan bagi menjamin daya maju stadium;
- (c) untuk memajukan dan menambah baik stadium dan untuk menyediakan dan melengkapkan stadium dengan loji, jentera, kelengkapan dan perkakasan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan;
- (d) untuk mempromosikan stadium, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sebagai suatu tempat serba guna untuk acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, komersial, hiburan dan apa-apa acara lain yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (e) untuk membangunkan dan menyediakan di stadium apa-apa kemudahan dan perkhidmatan bersifat komersial yang melengkapi stadium, termasuklah tempat penginapan;
- (f) untuk menggalakkan dan mempromosikan penggunaan stadium oleh mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (g) untuk menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan sukan dan stadium;
- (h) untuk bekerjasama dan membuat perkiraan dengan mana-mana orang yang berminat dalam pembangunan kemudahan pendidikan, perubatan dan penyelidikan bagi sukan di stadium, dan jika sesuai, di tempat lain untuk pembangunan kemudahan sedemikian;
- (i) untuk memajukan sistem dan proses yang akan menjadikan stadium mudah, mampu dan menarik kepada orang awam; dan
- (j) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Kuasa Perbadanan

15. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau secara munasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan perjalanan fungsinya.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti bersifat komersial, yang didapati olehnya adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (b) untuk mengambil inisiatif dan membuat kajian mengenai kemungkinan pembangunan dan pembangunan semula stadium dan untuk mencadangkan pelan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula serta kaji selidik untuk menentukan sama ada pengusahaan dan pelaksanaan pembangunan atau pembangunan semula stadium itu boleh dilaksanakan;
- (c) untuk membina apa-apa bangunan atas apa-apa harta tak alih Perbadanan dan menyediakan serta menyiapkan harta itu bagi apa-apa sukan, rekreasi, kegiatan masa lapang, pameran dan perarakan yang mungkin sesuai atau mudah untuk diadakan di situ, untuk menyediakan astaka, gimnasium, ruang hidangan ringan, kedai, gerai, tandas dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan yang difikirkan patut oleh Perbadanan dan untuk menyenggarakan atau membina semula apa-apa bangunan yang terdapat di atas tanah Perbadanan;
- (d) untuk mengadakan atau menggalakkan apa-apa sukan, permainan, rekreasi, kegiatan masa lapang, pameran dan perarakan, dan untuk memberikan atau menyumbang hadiah, dan anugerah;

- (e) untuk mengusahakan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan aktiviti, perkhidmatan dan perkara lain yang berkaitan dengan sukan dan stadium, dan untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan itu;
- (f) untuk bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa bagi, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing bagi maksud pembangunan kemudahan dan perkhidmatan stadium;
- (g) untuk bekerjasama dengan mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing secara langsung, bagi menggalakkan pelaburan dalam pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium;
- (h) untuk berhubung dan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau organisasi lain dengan aktiviti yang berhubungan dengan stadium;
- (i) untuk memohon bagi dan menerima pemberi milikan atau pemindahan hakmilik tanah untuk pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium;
- (j) untuk melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsinya;
- (k) untuk mengenakan fi, kos, levi, caruman, kadar atau apa-apa caj lain yang disifatkannya patut bagi memberi kuasa kepada mana-mana fungsi atau kuasanya di bawah Enakmen ini;
- (l) untuk membuat segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen ini; dan
- (m) untuk menjalankan perniagaan berlesen seperti lori makanan.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Perbadanan mengkehendaki Perbadanan itu membenarkan supaya Kerajaan Negeri menggunakan mana-mana stadium yang diuruskan dan diselenggarakan olehnya mengikut apa-apa syarat (termasuk pembayaran atau caj yang cukup berkenaan dengan penggunaan itu), sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengerusi dan Perbadanan atau sebagaimana yang ditetapkan.

Kuasa Pengerusi untuk memberikan arahan

16. Pengerusi boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang bersifat am dan tidak bercanggah dengan peruntukan Enakmen ini dan Perbadanan hendaklah, dengan secepat mungkin, melaksanakan segala arahan yang diberi itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

17. (1) Perbadanan hendaklah memberi Pengerusi, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan akitivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pengerusi dan, jika diarahkan sedemikian oleh Pengerusi, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan tentang aktiviti Perbadanan sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Laporan di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubung dengan prosiding dan dasar Perbadanan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan

18. (1) Perbadanan boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) dan apa-apa syarat, batasan dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan, mewakilkan secara bertulis mana-mana

fungsi atau kuasanya, kecuali kuasa untuk meminjamkan wang, memberikan pinjaman, menubuhkan syarikat dan membuat peraturan-peraturan, kepada—

- (a) mana-mana ahli;
- (b) suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan; atau
- (c) seseorang pegawai atau pekhidmat Perbadanan,

dan mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh ahli, jawatankuasa pegawai atau pekhidmat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(2) Mana-mana ahli, jawatankuasa, pegawai atau pekhidmat yang diwakili dengan fungsi dan kuasa sedemikian hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil perhatian semua syarat, batasan dan sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan.

(3) Suatu pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Perbadanan sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

Perbadanan boleh menukuaskan jawatankuasa

19. (1) Perbadanan boleh menukuaskan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Perbadanan boleh memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi Pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Perbadanan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasanya.

(4) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dan, dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Perbadanan.

(5) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa itu.

(6) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan ahli jawatankuasa itu untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu, bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(7) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (6) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elauan dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(8) Seseorang ahli jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi penggal yang tidak melebihi tiga tahun untuk dilantik semula tetapi tidak boleh menjawat jawatan itu dan tempoh tidak melebihi dua penggal.

(9) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa.

(10) Seseorang ahli jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi Perbadanan.

(11) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

(a) minit semua mesyuarat disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya diserahkan kepada Perbadanan seberapa segera yang boleh dilaksanakan.

(12) Minit mesyuarat, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang sebagai keterangan prima facie mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(13) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan dengan prosidingnya minit telah dibuat mengikut subseksyen (11) dan (12) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

BAHAGIAN IV

PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PERBADANAN

Pengarah

20. (1) Perbadanan hendaklah melantik seorang Pengarah daripada skim perkhidmatan pegawai tadbir Negeri Kedah atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi—

(a) perjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi, aktiviti dan hal ehwal hari ke hari Perbadanan;

(b) penyediaan—

(i) program, skim, projek dan aktiviti;

(ii) anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan program tahunan; dan

(iii) semua anggaran pendapatan,

untuk kelulusan Perbadanan;

(c) pelaksanaan semua program, skim dan projek Perbadanan; dan

(d) pelaksanaan keputusan dan arahan Perbadanan.

(3) Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Perbadanan.

(4) Dalam menunaikan kewajipannya, Pengarah hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Perbadanan.

(5) Jika Pengarah tidak ada buat sementara di Malaysia atau tidak berupaya untuk sementara oleh sebab sakit atau apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajipannya, atau jika jawatan Pengarah adalah kosong pada masa itu, Perbadanan boleh mengarahkan mana-mana pegawai atau pekhidmat untuk melaksanakan kewajipan Pengarah semasa ketiadaan atau ketidakupayaan sementara itu.

Pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat lain Perbadanan

21. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (4), Perbadanan boleh mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkan wajar dan perlu oleh Perbadanan dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(2) Pengarah hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Perbadanan.

(3) Tiada seorang pun layak untuk diambil berkhidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Perbadanan jika dia mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya atau menerusi pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk bagi pihak Perbadanan.

(4) Perbadanan boleh menerima pakai atau membuat apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Bantuan kewangan kepada pegawai, pekhidmat dan orang lain

22. (1) Perbadanan boleh menyediakan—

(a) bayaran faedah persaraan, sagu hati, dan elauan lain yang ditentukan oleh Perbadanan kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan;

- (b) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, dan pembiayaan atau pinjaman ihsan lainnya, kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan;
- (c) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud perubatan kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan, dan tanggungan mereka;
- (d) kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud pendidikan atau biasiswa kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan atau mana-mana orang lain; dan
- (e) derma kepada mana-mana orang,
atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan.

Pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Kedah) 2003

23. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Kedah) 2003 hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

Kumpulan Wang Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman

24. (1) Bagi maksud Enakmen ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman” ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah diurus, disenggara dan dikawal oleh Perbadanan.

- (3) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada—
- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud Enakmen ini;
 - (b) wang yang diperolehi melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
 - (c) wang yang diperolehi atau didapati daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, penyewaan, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Perbadanan;
 - (d) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Perbadanan;
 - (e) fi, kos, levi, caruman dan caj lain yang dikenakan oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini;
 - (f) semua wang yang diperoleh daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Perbadanan;
 - (g) derma atau sumbangan yang diterima daripada mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia;
 - (h) semua jumlah wang atau harta lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya; dan
 - (i) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Perbadanan.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang

25. (1) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Perbadanan, termasuk—
 - (i) saraan, elaun dan perbelanjaan lain ahli Perbadanan dan mana-mana jawatankuasa dan pegawai dan pekhidmat Perbadanan termasuk pemberian pinjaman dan bayaran pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan, pencen dan gratuity;
 - (ii) perlindungan insurans bagi pegawai dan pekhidmat Perbadanan;
 - (iii) kos yang ditanggung dalam memberikan bantuan bagi kebajikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan; dan
 - (iv) fi dan kos perundangan dan apa-apa fi dan kos lain;
- (b) membayar apa-apa belanja, kos dan perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima secara sah oleh Perbadanan dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini;
- (c) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera dan bahan, tanah dan aset lain, mendirikan bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini;
- (d) memberikan bantuan kewangan di bawah seksyen 22; dan
- (e) apa-apa belanja dan perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, atau yang dilakukan dalam pelaksanaan fungsi Perbadanan atau penjalanan kuasa Perbadanan.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

26. Menjadi kewajipan Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini supaya dapat dipastikan bahawa jumlah

pendapatan Perbadanan mencukupi untuk memenuhi semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

27. (1) Perbelanjaan Perbadanan setakat amaun yang dibenarkan oleh Pengerusi bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Pengerusi suatu anggaran tambahan perbelanjaan bagi mana-mana satu tahun dan Pengerusi boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(3) Walau apapun peruntukan seksyen ini, wang yang disebut dalam seksyen ini yang melebihi keperluan kewangan Perbadanan untuk melaksanakan fungsinya di bawah Enakmen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Negeri Disatukan.

(4) Pengerusi boleh mengarahkan Perbadanan supaya mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

(5) Perbadanan hendaklah, tidak lewat dari 15 Disember dalam setiap tahun kalender meluluskan anggaran untuk tahun kalendar kewangan yang berikutnya.

(6) Jika peruntukan wang tambahan dikehendaki dalam sesuatu tahun kalendar kewangan, Perbadanan boleh dari semasa ke semasa meluluskan anggaran tambahan dengan menunjukkan punca-punca dari mana apa-apa perbelanjaan tambahan yang dilakukan olehnya boleh dibayar.

(7) Bagi maksud seksyen ini, tahun kalendar kewangan Perbadanan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun dan laporan

28. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sewajarnya bagi Kumpulan Wang disimpan dan hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Perbadanan yang hendaklah mengandungi suatu kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu laporan aktivitinya.

(2) Perbadanan hendaklah seberapa segera yang mungkin, mengemukakan satu salinan penyata kewangan tahun sebelumnya, menyebabkan supaya akaunnya diaudit oleh Ketua Audit Negara dan hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan, menghantar akaun yang diaudit itu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Perbadanan hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap akaun sedemikian beserta dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai penyata atau akaun-akaun Perbadanan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.

Akaun bank

29. Perbadanan hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan apa-apa bank di Negeri Kedah Darul Aman sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan, dan tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan setakat yang boleh dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani atau melalui mana-mana kaedah pembayaran yang diguna pakai oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

30. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] tidak terpakai bagi maksud Enakmen ini.

BAHAGIAN VI

KUASA LAIN PERBADANAN

Kuasa untuk meminjam

31. Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminjam, pada apa-apa kadar faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma mengenai masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan

32. Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini, boleh dilaburkan dengan apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.

Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.

33. Perbadanan boleh mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuklah peguam bela dan peguam cara, jurubank, syarikat broker saham, juruukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan, menjalankan apa-apa projek, skim atau perusahaan, atau melakukan apa-apa tindakan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan pada pelaksanaan fungsinya, perjalanan kuasanya atau penunaian kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Enakmen ini dengan lebih baik.

Pengkomersialan dapatan penyelidikan

34. Perbadanan boleh membuat tersedia apa-apa dapatan penyelidikan yang terletak hak pada Perbadanan kepada mana-mana orang atau badan tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran apa-apa fi, royalti atau balasan lain, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dengan kelulusan Pengurus bagi maksud pengkomersialan.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

35. Perbadanan boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk menjalankan dan mempunyai tanggungjawab mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancangkan atau diusahakan oleh Perbadanan pada melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

BAHAGIAN VII

AM

Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan

36. Seseorang yang tidak mendedahkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat atau keterangan atau dokumen yang berkaitan, atau memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, sebagai gerak balas kepada suatu arahan yang dikeluarkan oleh Perbadanan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Permulaan pendakwaan

37. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

Pekhidmat awam

38. Tiap-tiap ahli Perbadanan, atau mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan, semasa menunaikan kewajipannya di bawah Enakmen ini sebagai ahli, pegawai, pekhidmat atau ejen, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

39. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau mana-mana anggota Perbadanan, jawatankuasa, pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian, keingkaran yang dibuat atau dilakukan dengan suka hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Obligasi kerahsiaan

40. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Enakmen ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Perbadanan:

- (a) tiada ahli Perbadanan atau mana-mana jawatankuasanya atau pegawai atau pekhidmat atau ejen Perbadanan atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan atau mana-mana jawatankuasa, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh olehnya semasa menjalankan kewajipannya dan dizahirkan menurut Enakmen ini; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Perbadanan boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pewakilan dalam prosiding sivil

41. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Perbadanan; atau
- (b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Perbadanan dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu boleh, bagi pihak Perbadanan, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi Perbadanan.

Kuasa untuk mengambil khidmat

42. Perbadanan boleh mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuklah peguam bela dan peguam cara, jurubank, perunding dan orang lain, untuk menguruskan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya atau bagi melaksanakan maksud Enakmen ini dengan lebih baik.

Perlindungan terhadap tindakan, guaman dan prosiding undang-undang

43. (1) Tindakan tidak boleh diambil atau pendakwaan tidak boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Perbadanan;
- (b) mana-mana ahli Perbadanan, mana-mana ahli jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan; atau
- (c) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Perbadanan,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

44. (1) Pengerusi boleh, selepas berunding dengan Perbadanan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik atau bagi menetapkan apa-apa jua yang boleh atau dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) mengenakan fi, kos, levi, caruman atau apa-apa caj lain dalam hal-hal tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) menetapkan fi atau caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan dan untuk kemasukan orang ke stadium atau ke mana-mana pameran atau aktiviti yang dianjurkan atau oleh Perbadanan;
- (c) mengawal selia kemasukan atau pengeluaran mana-mana orang atau benda ke dalam atau dari stadium yang diuruskan atau dikawal oleh Perbadanan;
- (d) mempunyai penjagaan, perlindungan dan pengurusan tanah dan bangunan yang dimiliki oleh atau di bawah kawalan dan pengurusan Perbadanan;
- (e) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dijangkakan oleh, atau yang perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya peruntukan-peruntukan Enakmen ini; dan
- (f) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pengerusi, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa tindakan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemerjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh menetapkan denda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pemakaian pekeliling, dsb.

45. Perbadanan boleh menerima pakai atau membuat apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut, apa-apa peraturan, kaedah, dasar, pekeliling atau arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN VIII**PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN****Kecualian dan peralihan**

46. (1) Tertakluk kepada peruntukan ini, apa-apa pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, pengisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, pelantikan dan keputusan yang dikeluarkan atau dilakukan atau dibuat atau disifatkan telah dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan di bawah Enakmen terdahulu, hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya yang berhubungan dengannya pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, pengisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, pelantikan dan keputusan itu terpakai setakat mana yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Enakmen ini atau pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, pelantikan atau keputusan yang baru dibuat di bawah Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini atau sehingga tarikh habis tempoh pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan atau keputusan itu.

(2) Semua prosiding yang telah dimulakan di bawah Enakmen terdahulu ini hendaklah diteruskan sehingga selesai prosiding tersebut di bawah peruntukan itu seolah-olah Enakmen ini tidak diluluskan.

Pemansuhan

47. (1) Enakmen Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Tahun 1971 [No. 23 Tahun 1971] yang disebut Enakmen terdahulu dengan ini dimansuhkan.

(2) Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen terdahulu hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu selaras dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini, dan hendaklah bagi segala maksud disifatkan telah dibuat di bawah Enakmen ini.

JADUAL

[Subseksyen 13]

MESYUARAT

Mesyuarat Perbadanan

1. (1) Perbadanan hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Perbadanan.

(3) Dalam semua mesyuarat, hendaklah Pengerusi atau, jika ia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, jika kedua-duanya tidak hadir, mana-mana ahli yang dilantik oleh ahli-ahli yang hadir, mengetuai mesyuarat.

(4) Tiap-tiap ahli yang hadir pada mesyuarat Perbadanan berhak kepada satu undi.

(5) Jika mengenai sesuatu persoalan untuk diputuskan oleh Perbadanan terhadap bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus di samping undi biasanya.

Kuorum mesyuarat

2. Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Perbadanan yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat adalah sah melainkan, jika sekurang-kurangnya satu per tiga daripada ahli termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

Keputusan mesyuarat

3. (1) Keputusan di dalam mesyuarat hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti ahli yang hadir dan berhak mengundi, sekiranya berlaku persamaan undi, orang yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

(2) Sesuatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat jika:

- (a) semua ahli Perbadanan telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua ahli Perbadanan tentang ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua ahli Perbadanan menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut cara yang ditentukan oleh Perbadanan di bawah subperenggan (3).

(3) Subperenggan (2) terpakai hanya jika Perbadanan:

- (a) memutuskan bahawa subseksyen itu terpakai; dan
- (b) memutuskan cara yang dengannya ahli Perbadanan boleh menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

(4) Penggerusi hendaklah mempunyai kuasa untuk mendapatkan persetujuan daripada ahli Perbadanan berhubung apa-apa perkara yang perlu disegerakan secara edaran dan persetujuan itu hendaklah disahkan dalam mesyuarat Perbadanan yang akan datang.

Ketetapan tanpa mesyuarat

4. (1) Sesuatu ketetapan dikira telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat jika:

- (a) semua anggota Perbadanan telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Perbadanan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa mesyuarat, semua anggota Perbadanan menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Perbadanan di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Perbadanan:

- (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Perbadanan hendaklah menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

Minit

5. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit semua mesyuarat.

(2) Minit tersebut hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat tersebut dengan segera dalam mesyuarat yang akan datang.

(3) Minit mesyuarat, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(4) Tiap-tiap mesyuarat yang berkenaan dengan minit telah dibuat mengikut subperenggan (1), (2) dan (3) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

6. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, Perbadanan boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

7. (1) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa:

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Perbadanan; dan
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Ahli hendaklah menumpukan masa kepada urusan Perbadanan

8. Ahli Perbadanan hendaklah menumpukan masa kepada urusan Perbadanan sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

JAWATANKUASA**Mesyuarat**

1. (1) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa itu.

(2) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya:

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Perbadanan dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah Jadual boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

Mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

2. (1) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Minit

3. (1) Tiap-tiap jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Suatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan salinan minit kesemua mesyuaratnya ditandatangani dan dikemukakan kepada Perbadanan secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(4) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

4. Tertakluk kepada Enakmen ini, jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Jawatankuasa kecil

5. Bagi tujuan Jadual ini, Jawatankuasa termasuk jawatankuasa kecil.

Perbadanan boleh mengundang orang lain ke mesyuarat

6. (1) Perbadanan boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat atau petimbang telitian Perbadanan bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau penimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elauan dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Penzahiran kepentingan

7. Seseorang ahli Perbadanan yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya, mana-mana kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Perbadanan bercadang untuk membuat kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam mana-mana perkara yang dibincangkan oleh Perbadanan hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan hakikat kepentingan dan jenis kepentinganya itu, dan penzahiran yang sedemikian hendaklah direkodkan dalam minit Perbadanan dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus kepadanya oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa petimbang telitian atau keputusan Perbadanan yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 15 April 2019 bersamaan 9 Syaaban 1440H.

[() dlm.DN-MM(K) 600-2/9]

HAJI IQBAL BIN AHMAD, A.M.K., B.C.K.

Setiausaha

Dewan Undangan Negeri

Kedah Darul Aman



LAWS OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN

Enactment 30

**PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ENACTMENT 2019**

Date of Royal Assent 2 June 2019

Date of publication in the *Gazette* 4 July 2019

Publisher's Copyright (C)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN**Enactment 30****PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ENACTMENT 2019**

ARRANGEMENT OF CLAUSES

PART I**PRELIMINARY****Section**

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II**THE PERBADANAN**

3. Establishment
4. Common seal
5. Membership
6. Tenure of office
7. Alternate members
8. Temporary exercise of functions of Chairman
9. Revocation of appointment and resignation
10. Vacation of office
11. Allowance
12. Disclosure of interest
13. Application of Schedule

PART III**FUNCTIONS AND POWERS OF THE PERBADANAN****Section**

14. Functions of the Perbadanan
15. Powers of the Perbadanan
16. Power of Chairman to give directions
17. Returns, reports, accounts and information
18. Delegation of the Perbadanan's functions and powers
19. The Perbadanan may establish committees

PART IV**DIRECTOR, OFFICERS AND SERVANTS OF THE PERBADANAN**

20. Director
21. Employment of other officers and servants of the Perbadanan
22. Financial assistance to officers, servants and other persons
23. Application of Statutory Bodies (Discipline and Surcharged) (Kedah) Enactment 2003

PART V**FINANCE**

24. Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman Fund
25. Expenditure to be charged to the Fund
26. Conservation of the Fund
27. Expenditure and preparation of estimates
28. Accounts and reports
29. Bank account
30. Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980

PART VI

OTHER POWERS OF THE PERBADANAN

Section

31. Power to borrow
32. Investment
33. Power to employ agents, *etc.*
34. Commercialization of research finding
35. Power to establish companies

PART VII

GENERAL

36. Giving false or misleading information, evidence or document
37. Institution of prosecution
38. Public servant
39. Public Authorities Protection Act 1948
40. Obligation of secrecy
41. Representation in civil proceedings
42. Power to employ
43. Protection against suit and legal proceedings
44. Power to make regulations
45. Application of circular, *etc.*

PART VIII

REPEAL, SAVINGS AND TRANSITIONAL

46. Savings and transitional
47. Repeal

SCHEDULE

LAWS OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN

Enactment 30

PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN ENACTMENT 2019

I ASSENT,

(STATE SEAL)

AL AMINUL KARIM
SULTAN SALLEHUDDIN IBNI
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

2 June 2019
28 Ramadan 1440

An Enactment to provide for development, operation and management of stadiums, sports complexes and facilities, and to provide for consequential and incidental matters.

[]

IT IS ENACTED by the Legislature of Kedah as follows:

PART I

PRELIMINARY

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman Enactment 2019.

(2) This Enactment come into operation on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“member” means a member appointed under section 5;

“prescribed” means prescribed by rules, regulations or orders published in the *Gazette*;

“Enactment” means the Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman Enactment 2019;

“previous Enactment” means the Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah Enactment 1971;

“committee” means a committee established by the Perbadanan under section 19;

“Director” means the officer appointed under subsection 20(1) and includes any officer directed under subsection 20(5) to perform the duties of the Director;

“Fund” means the Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman Fund established under section 24;

“Chairman” means the Chairman of the Perbadanan appointed under paragraph 5(1)(a);

“Perbadanan” means the Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman Stadium established under section 3;

“previous Perbadanan” means the Perbadanan established under previous Enactment; and

“stadium” means any stadium, sports complex, building and sports facility established or determined by the Federal Government or the State Government.

PART II

THE PERBADANAN

Establishment of the Perbadanan

3. (1) A body corporate by the name of “Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman” is established.

(2) The Perbadanan shall have perpetual succession and a common seal.

(3) The Perbadanan may sue and be sued in its name.

(4) Subject to and for the purposes of this Enactment, the Perbadanan may, upon such terms as it deems fit—

(a) enter into contracts;

(b) acquire, purchase, take, lease, hold, sell and enjoy movable and immovable property of every description or any interest vested in the Perbadanan; and

(c) convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, lease, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with, any movable or immovable property or any interest vested in the Perbadanan.

(5) The Perbadanan shall have such further powers and carry out such duties as may be assigned to it by this Enactment or by any other Enactment.

(6) When this Enactment comes into operation, the Perbadanan created pursuant to the authority of the previous Enactment shall be deemed as the Perbadanan mentioned in subsection (1).

(7) Every rights, authority, duty and liability which before this Enactment comes into operation is vested in or charged on the Perbadanan shall, upon the commencement of this Enactment, vest in and be charged on the Perbadanan, in so far as there are consistent with the provisions of this Enactment.

(8) Property of every description, movable or immovable, which before the commencement of this Enactment was vested in the Perbadanan shall, upon the commencement of this Enactment, vest in the Perbadanan without being conveyed, assigned or transferred.

Common seal

4. (1) The Perbadanan shall have a common seal which shall bear such device as the Perbadanan shall approve and such seal may be broken, changed, altered or made a new as the Perbadanan thinks fit.

(2) Until a seal is provided by the Perbadanan, a stamp bearing the words "Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman" may be used and shall be deemed to be the common seal the Perbadanan.

(3) The common seal shall be kept in the custody of the Chairman or such other person authorized by the Perbadanan, and shall be authenticated by the Chairman or such authorized person or by any officer authorized by the Chairman in writing.

(4) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the common seal and authenticated in accordance with subsection (3) shall until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(5) Notwithstanding subsection (4), any document or instrument which, if executed by a person who is not a body corporate is not required to be under seal, may in like manner be executed by the Perbadanan, and any such document or instrument may be executed on behalf of the Perbadanan by any member, servant or agent of the Perbadanan generally or specially authorized by the Perbadanan in that behalf.

(6) The common seal of the Perbadanan shall be officially and judicially noticed.

Membership of the Perbadanan

5. (1) The Perbadanan shall consist of the following members:

- (a) the Chairman and it shall be the person who at that time holds the position of the Menteri Besar of Kedah or any person appointed by the State Authority;
- (b) the Deputy Chairman appointed by the State Authority;
- (c) the State Secretary;
- (d) the State Legal Adviser;
- (e) the State Financial Officer;
- (f) the Deputy State Secretary (in charge of development);
- (g) five persons to represent sports organizations who shall be appointed by the Chairman upon approval of the State Authority;
- (h) two other persons who shall be appointed by the Chairman upon approval of the state authority which in the opinion of the Chairman, have the experience, shown capacity and professionalism in matters relating to the development, operation and management of stadium; and
- (i) the Director, acting as the Secretary of the Perbadanan.

Tenure of office

6. (1) Subject to such conditions as may specified in his instrument of appointment, a member of the Perbadanan appointed under paragraphs 5(1)(g) and (h) shall, unless he sooner resigns or vacates his office or his appointment is sooner revoked, hold office for a term not exceeding three years.

(2) A member of the Perbadanan appointed under paragraphs 5(1)(g) and (h) shall be eligible for reappointment but no member shall hold the office for more than two terms not exceeding six years either continuously or otherwise.

Alternate members

7. (1) The Chairman may with the approval of the State Authority, in relation to each member appointed under paragraphs 5(1)(c) to (g), appoint a person to be an alternate member to attend as an alternate to such member, meetings of the Perbadanan when such member is unable to attend for any reason.

(2) An alternate member who attends the meetings of the Perbadanan shall, for all purposes, be deemed to be a member of the Perbadanan.

(3) An alternate member shall, unless he sooner resigns his office or his appointment is sooner revoked, cease to be an alternate member when the member in respect of whom he is an alternate member ceases to be a member of the Perbadanan.

(4) Any person who, immediately before the commencement of this Enactment was the Chairman and member of the Perbadanan shall be deemed as the Chairman and member of the Perbadanan until the expiry of his term of appointment.

Temporary exercise of functions of Chairman

8. (1) Where the office of the Chairman is vacant or the Chairman is absent from duty in the State of Kedah Darul Aman or the Chairman is, for any other reason, unable to perform the duties of his office, the member appointed under paragraph 5(1)(b) shall temporarily act as the Chairman, and if that member is for any reason unable to act under this subsection, the member under paragraph 5(1)(c) shall act as the Chairman.

(2) A member acting as the Chairman under subsection (1) shall be deemed to be the Chairman.

Revocation of appointment and resignation

9. (1) The appointment of any member under paragraphs 5(1)(g) and (h), may at any time be revoked by the Chairman upon approval of the State Authority.

(2) A member may at any time resign his office by a written notice addressed to the Chairman.

Vacation of office

10. (1) The office of a member of the Perbadanan shall be vacated—

- (a) if he dies;
- (b) if there has been proved against him, or he has been convicted on, a charge in respect of—
 - (i) an offences involving fraud, dishonesty or moral turpitude;
 - (ii) an offence under any law relating to corruption or under section 12; or
 - (iii) any other offence punishable with imprisonment (in itself only or in addition to or in lieu of a fine) for more than two years;
- (c) if he becomes a bankrupt;
- (d) if he is of unsound mind or is otherwise incapable of discharging his duties;
- (e) in the case of the Chairman, if he absents himself from three consecutive meetings of the Perbadanan without leave of His Royal Highness the Sultan;
- (f) in the case the member of the Perbadanan, other than the Chairman, if he absents himself from three consecutive meetings of the Perbadanan without leave of the Chairman;
- (g) if his resignation is accepted by the Chairman, as the case may be;
- (h) if his appointment is revoked by the Chairman as the case may be, pursuant to section 9;

- (i) if he is not in Malaysia, without written permission from the Chairman, for a period exceeding six months; or
- (j) if he acts in contravention of the interest of the Perbadanan.

(2) The Chairman may appoint new members to fill the vacancy of any member whose appointment has been terminated in paragraphs 5(1)(g) and (h).

(3) Any person appointed under subsection 10(2) shall hold office for the remaining term of office of the member whose appointment was terminated.

Allowance

11. The members of the Perbadanan shall be paid such allowances at the rates as the State Authority.

Disclosure of interest

12. (1) Any member of the Perbadanan appointed under section 19 who has or acquire an interest, directly or indirectly, by himself, a member of his family or his associate in relation to any matter under discussion by the Perbadanan shall, disclose to the Perbadanan, as the case may be, the fact of his interest and the nature of that interest.

(2) A disclosure under subsection (1) shall be recorded in the minutes of the meeting, as the case may be, in which the matter is discussed and, after the disclosure, the member:

- (a) shall not be present or take part in any deliberation or decision of the Perbadanan or its committee, as the case may be, about the matter; and
- (b) shall be disregarded for the purpose of constituting a quorum of the Perbadanan or its committee, as the case may be, when the matter discussed or decided upon.

(3) Non-compliance of this provision by any member of the Perbadanan or its committee shall not affect the action or proceeding of the Perbadanan or its committee.

(4) For the purpose of this section:

“a member of his family” in relation to a member of the Perbadanan or its committee, includes:

- (a) his spouse;
- (b) his parent (including a parent of his spouse);
- (c) his child (including an adopted child or stepchild);
- (d) his brother or sister (including a brother and sister of his spouse); and
- (e) a spouse of his child, brother or sister; and

“a member of his associate”, in relation to member of the Perbadanan or its committee, means:

- (a) a person who is a nominee or an employee of that member;
- (b) a firm of which the member or any nominee of his is a partner;
- (c) a partner of the member;
- (d) a trustee of a trust under which the member or a member of his family is a beneficiary; or
- (e) any corporation within the meaning of the Companies Act 2016 [Act 777], of which the member or any nominee of his or a member of the member’s family is a director or has a substantial shareholding.

Application of Schedule

13. The provisions of the Schedule shall apply to the members of the Perbadanan and the members of a committee appointed under section 19.

PART III

FUNCTIONS AND POWERS OF THE PERBADANAN

Functions of the Perbadanan

14. (1) The functions of the Perbadanan are as follows:

- (a) to establish, manage, operate and maintain the stadiums;
- (b) to implement policies and development programmes to ensure the viability of the stadium;
- (c) to develop and improve the stadiums and to furnish and equip the stadiums with plant, machinery, equipment and apparatus as the Perbadanan thinks appropriate;
- (d) to promote the stadiums, at national and international levels, as multi-purpose venues for sports, recreational, cultural, educational, commercial entertainment and such other events as the Perbadanan thinks fit;
- (e) to develop and provide at the stadiums such facilities and services of a commercial nature complementary to the stadiums, including residential accommodation;
- (f) to encourage and promote the use of stadiums by any person, whether local or foreign, on such terms and conditions as the Perbadanan deems fit;
- (g) to provide technical, advisory, consultancy and other services related to sports and stadiums;
- (h) to co-operate and enter into arrangements with any person interested in the development of educational, medical and research facilities for sports at the stadiums, and if appropriate, elsewhere for the development of such facilities;

- (i) to develop system and process that will make the stadiums accessible, affordable and appealing to the public; and
- (j) to carry out any other functions as it deems fit to enable it to perform its functions effectively or which is incidental to the performance of its functions.

Powers of the Perbadanan

15. (1) The Perbadanan shall have the power to do all things expedient or reasonably, necessary for or incidental to the carrying out of its functions.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the powers of the Perbadanan shall include the power—

- (a) to carry out all activities, particularly activities which are commercial in nature, which appear to it to be requisite, advantageous or convenient for or in connection with the performance of its functions;
- (b) to initiate and carry out studies of possible development and redevelopment of stadiums and to propose plans outlining development or redevelopment activities and surveys to determine if the undertaking and carrying out of development or redevelopment of the stadiums are feasible;
